

Kajian semula fungsi agensi tingkat taraf hidup rakyat

BH 25 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Kajian semula fungsi agensi di bawah Kementerian Pemangungan Luar Bandar yang diumumkan baru-baru ini hertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengurangkan bilangan golongan miskin di negara ini.

Menterinya, Datuk Azmi Khalid berkata, kerajaan tidak menyifatkan agensi berkenaan sebagai gagal mencapai objektifnya, tetapi kajian semula perlu untuk menyesuaikan dengan tuntutan masa.

Katanya, ada sesetengah agensi sudah berusia lebih 30 tahun dan berkembang terlalu besar sehingga tersasar daripada matlamat asal serta tidak lagi mempunyai peruntukan yang sesuai.

“Contohnya, Felda dahulu ditubuhkan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dengan memastikan peneroka menerima sekurang-kurangnya RM300 sebulan. Ia mungkin sesuai pada tahun 70-an tetapi kini pendapatan RM300 dikategorikan sebagai miskin.

“Mereka masih memberikan bantuan mengikut peruntukan terdahulu. Bagaimanapun, mereka lebih cenderung kepada isu pengkorporatan bagi mengumpul dana yang banyak sedangkan halatujunya tidak jelas sehingga dana itu tidak diurus dengan baik.

“Oleh itu, kita perlu mengkaji semula fungsinya supaya kembali kepada matlamat asal untuk mengurangkan jumlah orang miskin dan menghapuskan golongan yang disifatkan sebagai rakyat termiskin, di negara ini,” katanya ketika diminta me-

ngulas mengenai kenyataannya berhubung kajian semula fungsi agensi di bawah kementerianinya, IO Mei lalu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menerima kunjungan rombongan lima wakil Parlimen Kesatuan Eropah (EU) di kementerianinya di sini, petang ini.

Dalam pertemuan sejam itu, beliau yang kini memegang jawatan Menteri Luar, memberi taklimat mengenai struktur sosial, ekonomi, politik dan kebebasan hak asasi manusia di negara ini kepada rombongan yang diketuai Ahli Parlimen Portugal, Carlos Costa Neves.

Rombongan itu juga akan menemui Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan pemimpin parti pembangkang di negara ini serta melawat Cyberjaya untuk mendengar taklimat mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Mengenai keputusan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan, Azmi berkata, Dr Ling sepatutnya memikirkan semula keputusannya itu seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Dr Ling adalah pemimpin masyarakat Cina dan MCA yang membawa dan bejaya membawa perubahan sehingga Barisan Nasional mampu mendapat keputusan cemerlang dalam pilihan raya umum lalu.